



Kita 'merdekakan'  
PBKL >>6



Lagu patriotik pembakar  
semangat cintakan negara >>16



Imperiale 400 bayangan  
klasik Benelli-MotoBi >>18

# MEDIA WARGA KOTA Wilayah KU

● BIL 74 ● 28 OGOS - 3 SEPTEMBER 2020 ● PP19441/12/2018 (035014) ● PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

## Kompas baru Wilayah Persekutuan



**K**ONSEP Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin yang digagaskan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa akan menjadi dasar penting dan terperinci bagi membantu dan menyelesaikan masalah warga kota di masa hadapan.

Melalui 13 bidang yang digariskan bakal menyaksikan Wilayah Persekutuan lebih dinamik tanpa meminggirkan mana-mana pihak melalui kerjasama antara agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

13 bidang utama tersebut juga akan menjadi payung kepada dasar, program dan perkhidmatan yang dilaksanakan untuk kumpulan sasaran sekaligus menjadi kompas baru hala tuju Wilayah Persekutuan.

**BERSAMBUNG KE MUKA 2**

## Terowong misteri Bukit Nanas jadi tarikan pelancongan

TEROWONG misteri di Bukit Nanas yang ditemui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) secara tidak sengaja pada Mac 2014 kini menjadi salah satu tarikan pelancongan bandar di Kuala Lumpur.

Pelancong bandar yang berminat boleh mengikuti program Jejak Warisan Kualalumpur yang bakal membawa orang ramai mengetahui

sejarah tempat menarik di ibu kota seperti terowong Bukit Nanas.

**BACA CERITA EKSKLUSIF JEJAK WARISAN MERDEKA MALAYSIA DI MUKA 9,10,11**

Susulan penemuan yang berada di bawah rizab Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan, Pengaranya, Mohd Hafiz Hamzah berharap agar tinggalan sejarah itu dapat

dipelihara dengan sebaiknya bagi membolehkan generasi akan datang melihat kesan warisan berkenaan.

Ujar beliau, tapak yang masih ada juga dapat dijadikan salah satu tarikan pelancongan negeri kerana wujud pada 1866 iaitu sewaktu meletusnya Perang Klang.



LALUAN masuk ke terowong misteri di Bukit Nanas yang dijumpai pada Mac 2014.

**BERSAMBUNG KE MUKA 2**

# Wilayah Prihatin dilancarkan

DARI MUKA HADAPAN

Oleh AZLAN ZAMBRY  
Foto NAZIRUL ROSELAN

**PENJENAMAAN** konsep Wilayah Persekutuan 'Wilayah Prihatin' yang dilancarkan Selasa lalu merangkumi 13 bidang kecaknaan utama yang akan menjadi dasar, program dan perkhidmatan yang dilaksanakan secara bersasar kepada warga kota.

13 bidang terbabit ialah perumahan, usahawan, gelandangan, kemiskinan, keselamatan, pendidikan, perpaduan, keindahan, kebersihan, sukan, asnaf, kehijauan dan seni budaya.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, penjenamaan itu bertujuan menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai wilayah yang prihatin terhadap rakyat dan alam sekitar melalui sikap, budaya dan pentadbiran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi di bawahnya.

"Penjenamaan Wilayah Persekutuan: Wilayah Prihatin bagi menanam satu budaya kerja dalam kalangan warga KWP dengan mengamalkan pendekatan berdasarkan kejujuran hati nurani.

"Ini satu proses pembudayaan kerja yang sangat penting yang akan disusuli dengan pengisian program-program dan tindakan-tindakan yang memberi perhatian kepada permasalahan rakyat dan penekanan kepada aspek-aspek yang tertentu dalam kita memajukan dan membangunkan Wilayah Persekutuan," katanya dalam sidang



ANNUAR (kanan) melekatkan logo berbentuk hati di plak perasmian sebagai simbolik pelancaran 'Wilayah Prihatin' pada Selasa lalu.



ANNUAR beramah mesra bersama kakitangan KWP selepas majlis perasmian 'Wilayah Prihatin'.

akhbar selepas sesi Townhall bersama warga kerja KWP pada Selasa.

Hadir sama, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Santhara, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Rosida Jaafar, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Noor Hisham Ahmad Dahlan, Presiden Per-

badanan Putrajaya, Datuk Dr Aminuddin Hasim dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Dr. Fary Akmal Osman.

Menurut Annur, untuk kuster Cakna Usahawan, pihaknya kini sedang mengadakan kerjasama dengan sebuah syarikat Akie Burger Malaysia yang akan membuka peluang kepada

200 orang yang berminat mengusahakan perniagaan burger di sekitar Kuala Lumpur.

"Agrobank akan memperuntukkan bantuan modal sebanyak RM3 juta untuk 200 individu yang berminat dan mereka akan dibimbang oleh Akie Burger manakala Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pula akan mempermudahkan dengan memberi lesen dan menyediakan lokasi yang bersesuaian.

"Kalau ada yang nak buat burger, hanya bayar RM208 sebulan. Mereka hanya datang belajar buat burger dan jual. Kita akan sediakan semua kemudahan termasuk gerai dan pembiayaan awal," katanya, menambah permohonan terbuka kepada semua warga Malaysia.

Annur berkata, bagi kluster Cakna Perumahan kementerian bercadang membangunkan semula Perumahan Awam yang telah berusia lebih 30 tahun dan usang di Flat Sri Labuan di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.

"Seramai 395 pemilik rumah di Flat Sri Labuan yang rumahnya berkeluasan hanya 400 hingga 500 kaki persegi akan diberikan rumah tiga bilik yang baharu dan lebih luas tanpa perlu membuat apa-apa bayaran.

"Rumah baharu ini yang terletak berdekatan rumah lama mereka dijangka siap hujung tahun ini," katanya. WK

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



## ERTI KEMERDEKAAN

**Bagi saya kemerdekaan adalah suatu perkara penting. Kita bukan hanya Merdeka daripada penjajahan tetapi bebas dalam pelbagai perkara termasuk kebebasan berfikir, mengamalkan kebudayaan, bebas beragama dan akhirnya dapat memastikan perpaduan antara kaum. Dalam pasca COVID-19 pula, kita bebas kerana dapat keluar rumah.**

"Sekarang ini, kita sangat menghargai setiap urusan termasuk waktu makan malah Malaysia mempunyai kedai makan yang beroperasi selama 24 jam. Erti kemerdekaan kepada saya adalah kebebasan dan saya yakin kemerdekaan tahun ini memberi erti besar kepada kita semua."

**DATUK SERI DR SANTHARA**  
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan

**SAYA** dilahirkan sebelum Merdeka, maksudnya saya sudah lihat kebebasan Merdeka iaitu dari segi minda dan matlamat.

"Matlamat kita bukan mencari kekayaan semata-mata tetapi lebih kepada patriotik dan ia bukan sekadar percakapan sebaliknya harus dilakukan. Kalau semua orang faham erti kemerdekaan itu, pastinya tidak akan ada unsur negatif."

**DATUK NOR HISHAM AHMAD DAHLAN**  
Datuk Bandar Kuala Lumpur

**SEPANJANG** 63 tahun Merdeka, kita sudah melihat pembangunan yang ada dan ia begitu



membanggakan. Malah sebagai rakyat Malaysia, kita sentiasa hidup dalam keadaan aman, damai tanpa sebarang kesusahan.

"Alhamdulillah, saya bangga menjadi rakyat Malaysia."

**MOHD SHAWAL YATIM**  
Pengurus Perumahan Zon 1, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

**SAYA** mengucapkan Selamat Hari Merdeka yang ke-63 tahun kepada semua rakyat Malaysia dan saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pasukan polis, petugas kesihatan dan anggota tentera yang melaksanakan tanggungjawab dengan begitu bagus dalam membanteras COVID-19.

"Walaupun berhadapan dengan wabak tersebut, saya berharap Hari Kemerdekaan dapat diraikan pada tahun ini."

**MOHAMAD ARSHAD KARDIN**  
Pemandu bas sekolah

**DULU** perit nak cari duit, gaji pun RM100 lebih, sekarang semua gaji tidak kurang RM1,000. Jadi bersyukurlah dengan keadaan sekarang. Saya harap keamanan yang ada dapat dikekalkan dan pemimpin Malaysia janganlah sentiasa bergolak kerana yang menjadi mangsa adalah rakyat.

**ABERAHIM ASHAK**  
Pemilik Aberahim Enterprise



KEADAAN dinding terowong misteri diselaputi jelaga dipercayai bertujuan untuk mengeraskan struktur laluan.

## Terowong misteri Bukit Nanas jadi tarikan pelancongan

Oleh NAZWIN NAZRI  
dan AINI MAWAWI  
editorwilayahku@gmail.com  
Foto AMIN FARIJ HASAN

"**SAYA** difahamkan, orang Mandailing yang diketuai Tuanku Raja Asal @ Ja Asai telah membina kubu di situ yang menjadi benteng terakhir Mandailing.

"Di samping kubu, Ja Asai juga membina istana iaitu Istana Godang di puncak Bukit Gombak (nama lama Bukit Nanas) dan dalam usaha menguatkan pertahanan, Ja Asai dan orang-orangnya menanam pokok nanas di sekitarnya selain mengorek terowong rahsia," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Terowong tersebut dipercayai digunakan sebagai laluan bagi melarikan diri ketika Perang Saudara di Selangor pada 1868 dan 1871. Sehubungan itu, kata Mohd Hafiz,

sejarah yang dinyatakan itu wajar dipelihara supaya diketahui masyarakat umum termasuk pelancong luar.

Justeru, beliau berharap supaya agensi bertanggungjawab seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mahupun Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Jabatan Warisan dapat bersama-sama menambah baik tapak sejarah tersebut.

"Saya bagi pihak Jabatan Perhutanan hanya dapat menjaganya seperti menaiktaraf laluan berkaitan kepada denai yang dikenali Denai Jelutong.

"Selain itu, saya juga pernah memohon bantuan daripada Jabatan Mineral Dan Geosains untuk membuat pemetaan bagi mendapatkan lokasi keseluruhan kubu yang berada di kawasan sekitar Bukit Nanas," jelasnya. WK

# Pembangunan Kampong Bharu 2019 sukar diteruskan – KWP

Oleh SYAHIDI BAKAR  
diwilayahku@gmail.com

**P**EMBANGUNAN semula Kampong Bharu secara komprehensif seperti dirancang mengikut Pelan Konsep Pembangunan Kampong Bharu Tahun 2019, didapati sukar diteruskan kerana ia tidak mendapat persetujuan 100 peratus pemilik tanah dengan hanya 61 peratus sahaja ber-setuju.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dalam kenyataan pada Jumaat berkata, tawaran pembelian tanah RM1,000 sekaki persegi (RM850 tunai dan RM150 saham Syarikat Tujuan Khas (SPV) melibatkan kos pembelian tanah sangat tinggi dianggar RM7.4 bilion dan kos-kos lain mencecah hampir RM10 bilion.

Justeru itu katanya, KWP kini telah pun merangka pendekatan pembangunan baru untuk tempoh 20 tahun akan datang sepetimana ditetapkan Pelan Induk Pembangunan Kampong Bharu 2040.

“Halatuju baharu pembangunan Kampong Bharu ini adalah lebih realistik dan boleh dilaksana melalui pendekatan pembangunan lebih fokus mengikut kawasan keutamaan



**KEDUDUKAN** Kampong Bharu yang terletak di tengah bandar Kuala Lumpur memerlukan pembangunan terancang tanpa meminggirkan penduduk setempat.

dan turut mengambil kira kompleksiti sesuatu kawasan bagi memenuhi keperluan pembangunan di Kampong Bharu.

“KWP secara serius akan melaksanakan dengan segera perkara-perkara berikut iaitu:

(i) Menaiktaraf infrastruktur jalan-jalan utama di Kampong Bharu termasuk Jalan Raja Uda, Jalan Raja Muda Musa, Jalan Mahmud, cadangan bypass Jalan Raja Alang ke Jalan Raja Uda dan penjaga-

ran semula Jalan Datuk Abdul Malik,” jelas kenyataan itu.

Selain itu, cadangan lain dilaksanakan termasuk membina susur keluar-masuk lebuhraya AKLEH ke Jalan Hassan Salleh, Jalan Sungai Baru serta pembinaan lebuhraya DUKE 2A memasuki Kampong Bharu; melaksana pembangunan secara berfasa mengikut keutamaan blok-blok pembangunan telah dikenal pasti dan mengambil kira lot-

lot tanah yang telah mendapat persetujuan pemilik.

Menurut KWP, kaedah pembangunannya sama ada melibatkan secara langsung kerajaan melalui Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) atau secara usahasama oleh pemilik tanah dengan pemaju swasta atau dimajukan sendiri oleh pemilik tanah secara organik dengan insentif-insentif tertentu.

Jelas kenyataan tersebut lagi, Perbadanan Kampung Bharu (PKB) selain berperanan sebagai fasilitator melancarkan pelaksanaan pembangunan, fungsi PKB akan turut dipertingkatkan di masa hadapan supaya boleh berperanan sebagai pemaju projek pembangunan hartanah di Kampong Bharu.

“Dalam usaha menjayakan pembangunan semula Kampong Bharu, suara dan harapan pemilik dan pewaris tanah supaya kampung tradisi ini dapat dibangun sebagai pusat komersial dan lokasi penempatan Melayu di pusat bandaraya Kuala Lumpur akan tetap diberi perhatian oleh kerajaan di mana segala pandangan dan cadangan pemilik dan pewaris tanah akan diambil kira,” jelasnya. **WK**

## Karnival Penjana tawar 1,038 peluang kerjaya

**KARNIVAL** Penjana Kerjaya Merdeka 2020 bakal berlangsung 29 Ogos ini di Dewan Kompleks Tun Abd Ghafar Baba, Seputeh dijangka menawarkan 1,038 peluang pekerjaan untuk pelajar lepasan SPM, Diploma dan Sarjana Muda.

Bermula seawal 9 pagi sehingga 4 petang, karnival dianjurkan Perkeso Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Seputeh itu, bakal menampilkan 13 Majikan berdaftar dengan Perkeso dalam pelbagai bidang pekerjaan.



Penganjuran karnival ini bertujuan meningkatkan kadar kebolehpekerjaan di dalam

kalangan warga kota yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19, seterusnya membuka

peluang kepada sesiapa yang berkelayakan.

Sementara itu, pengajur mengingatkan kepada pengunjung yang hadir supaya mematuhi SOP ditetapkan dan wajib memakai pelitup muka.

Hanya calon terlibat sahaja dibenarkan masuk ke kawasan Karnival manakala kanak-kanak bawah umur 13 tahun tidak dibenarkan hadir.

Selain itu, setiap calon yang hadir diingatkan agar membawa resume dan sijil-sijil berkaitan sebagai rujukan di samping perlu berpakaian sesuai bagi memenuhi keperluan sesi temuduga. **WK**

### SIDANG REDAKSI

**PENGURUS BESAR**  
Azlan Abdul Aziz

**PENGARANG KANAN**  
Helme Hanafi

**PENOLONG PENGARANG**  
Nazwin Izan Ahmad Nazri

### WARTAWAN KANAN

Aini Rosidah Ahmad Mawawi  
Azlan Zamby

### WARTAWAN

Khairul Idin  
Wong Siew Mun  
Deel Anjer  
Syahidi Bakar

### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
Mohd Affandy Annur

### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan  
Mohd Aminullah Farid Hasan  
Azly Farid Ramly

### PEMASARAN

Mohd Zuhair Mazlan  
V Kumar Veeran

### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
Jumaitul Laili Zakiah Ismail  
Nurul Hazwani Haslan

### PELATIH INDUSTRI

Alya Danisha Nazim

### SUARA RAKYAT

**SAYA** ucapan ribuan terima kasih kepada petugas Kementerian Kesihatan, polis dan tentera yang banyak berkorban semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. “Walaupun semasa PKP pemuliharaan, sambutan kemerdekaan perlu diteruskan seperti mengibarkan bendera Malaysia.”



**JESSY KAUR**  
Orang awam



**KEPADA** Pengarang Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham yang sanggup berkorban siang dan malam untuk negara kita, saya ucapan ribuan terima kasih.

“Saya sukacita mengatakan bahawa kerajaan sangat prihatin kerana separang umur 70 tahun, saya tidak melihat pertumpahan darah atau pergilakan berlaku seperti di luar negara.”

Malah rakyat Malaysia hidup dalam keamanan tanpa kacau bilau.”

**KARDIN BAGGU KHAN**  
Penduduk Kampung Malaysia



**KEMERDEKAAN** yang dikehendaki sekarang ini adalah sesuatu yang berharga dan perlu dalam kehidupan kita. Terima kasih kepada pejuang dan pemimpin-pemimpin lalu kerana tanah mereka, tidak adalah saya sekarang.”

**BADRULHISAM SHAI DIN**  
Kakitangan DBKL



**BAGI** saya kebebasan masa ini tidak seperti biasa kerana adanya prosedur operasi standard (SOP) yang perlu dipatuhi dan kita juga terperangkap di dalam rumah semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Konsep kemerdekaan dalam merapatkan silaturahim di samping menaikkan semangat kemerdekaan juga tidak dapat dilakukan seperti sebelum ini disebabkan penjarakan sosial. Saya berharap kita masih dapat menyambutnya bersama rakan-rakan.”

**MUHAMMAD HAZIQ HAIKAL MOHD SUBRI**  
Pelajar Multimedia Universiti Kuala Lumpur



**SEKARANG** kita berperang dengan pandemik iaitu musuh yang tidak kelihatan, rakyat juga sedang bertarung melalui pematuhan prosedur operasi standard (SOP) seperti penjarakan sosial dan memakai pelitup hidung.

“Untuk kemerdekaan ini sepatutnya kita sudah menang kerana kita sudah ada norma baharu. Oleh itu, saya harap apabila PKPP ini sudah habis, barulah betul-betul kita rasai kemerdekaan.”

**EICO KURNIAWAN MAT DAHRI**  
Penghantar makanan